

Kesan buruk jika hujan

Kosmo 2/10

KUALA LUMPUR - Fenomena air pasang besar yang dijangka melanda Pantai Barat Semenanjung, khususnya di Selangor dikhuatiri membawa kesan lebih buruk sekiranya berlaku hujan lebat pada masa yang sama.

Jurucakap Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Klang, air hujan yang mengalir ke muara sungai akan bertembung dengan air laut yang pasang, seterusnya mendedahkan kawasan rendah kepada banjir.

"Kawasan yang dikenal pasti mudah banjir termasuk di Batu Tiga dan di Taman Tun Dr. Ismail (TTDI) Jaya, Shah Alam.

"Penduduk dinasihatkan berjaga-jaga untuk menghadapi banjir sekiranya jumlah hujan melebihi 80 milimeter," katanya ketika dihubungi *KOSMO! Ahad*.

Menurut Jabatan Meteorologi Malaysia, fenomena air pasang besar itu berpunca daripada daya tarikan graviti bulan yang memberi kesan kepada paras air laut di kawasan tertentu.

Dalam pada itu, JPS menjangkakan kenaikan paras air laut tertinggi ialah enam meter.

"Kami telah menyediakan beg-beg pasir untuk dijadikan benteng bagi menghalang kenaikan air di kawasan yang telah dikenal pasti," jelasnya.

Semalam, paras air di Sungai Kelang mencatatkan bacaan 0.7 meter sementara Sungai Damansara di Batu 3 mencatatkan 2.59 meter, di bawah paras normal iaitu 3 meter.